



e-BULETIN

BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

EDISI 6 BIL. 2/2019

TINGKATKAN TADBIR URUS TELUS & BERINTEGRITI



ISI KANDUNGAN

MEJA PENGARANG

MS. 1



SEGMENT KHAS

MS. 2



SINERGI BPIA

MS. 3 - 9



LESTARI INTEGRITI

MS. 13 - 18





TAWARAN EKSKLUSIF

MS. 10-12

CORETAN

MS. 19



DARI MEJA KETUA SIDANG PENGARANG

*Dato' Junipah
Binti Wandu*

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN
INTEGRITI AGENSI (BPIA)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Puji syukur saya panjatkan ke hadrat Tuhan Yang Maha Esa, kerana berkat limpahan rahmat, taufik dan hidayahnya, bulletin BPIA (keluaran Julai – Disember 2019) dapat diterbitkan dengan tujuan perkongsian maklumat khasnya kepada pegawai Integriti/CeIO agensi awam dan swasta serta warga SPRM umumnya.

Tirai 2019 akan berakhir dan tahun 2020 hampir menjelang tiba, kesepekatan dalam menyisih gejala rasuah akan diteruskan dengan lebih rancak lagi dalam menjadikan Malaysia Bersih menjadi realiti.

Buletin ini memaparkan pelbagai program yang telah dilaksanakan dalam penggal ke-dua 2019 oleh BPIA, Agensi Awam dan Swasta dalam usaha memantapkan Integriti dan memperkukuhkan governans bagi mencegah gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dan seterusnya menghasilkan Organisasi yang berdaya saing.

Pelancaran Pelan Strategik IGU oleh SPRM dan penubuhan Integriti dan Governans kumpulan TM pada 6 September 2019 merupakan satu synergi integriti yang baik diantara sektor awam dan swasta dalam bersama memainkan peranan menentang jenayah rasuah. SPRM juga telah mengadakan mesyuarat pertama IGU dengan Pengurusan Tertinggi SPRM bagi membincangkan kaedah bersama dalam melaksanakan inisiatif anti rasuah.

Dan pelbagai lagi aktiviti yang telah dilaksanakan dalam paparan Edisi kali ini. Hakikatnya pencegahan rasuah merupakan cabaran utama kepada tugas-tugas pegawai integriti/CeIO serta warga SPRM dalam menggerakkan budaya integriti dan tadbir urus baik kepada setiap warga kerja dan Organisasi dalam memenuhi aspirasi dan hasrat kerajaan.

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penyediaan bulletin BPIA Edisi 6 Bil. 2 Tahun 2019. Sesungguhnya dengan usaha penerbitan bulletin ini diharapkan dapat memberi manfaat dan sebagai rujukan ilmiah integriti. Selamat Tinggal 2019 dan Selamat Datang 2020 dengan visi “Rasuah Disisih Negara Bersih”.

SIDANG REDAKSI

PENAUANG

KPJ PUAN LATHEEFA KOYA

PENASIHAT

TKPJ DATO' SHAMSHUN BAHARIN BIN MOHD JAMIL

KETUA SIDANG PENGARANG

TPJ DATO' JUNIPAH BINTI WANDU

PENYELARAS

TPJ SAIFUL EZRAL BIN ARIFIN

PENGARANG DAN PRODUKSI

P/PKJ ABDUL HALIM BIN MOHD ZAIN

PPJ RMALARVILI A/P RAMACHANDRAN

PUAN NUR BAITI BINTI MOHD OTHMAN

PS SITI ASHURA BINTI MAT HANAPIAH

PS ABDUL AMIDIN BIN ABDULLAH

KPKPS SHARIFAH AIDAH BINTI HAJI WAN HADION

PKPS NURSAHANA BINTI IDRIS

NOOR SYAFFINAZ BINTI HASHIM

NADZIRAH BINTI MOHD YUSOF

e-Buletin BPIA diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM sebagai inisiatif perkongsian maklumat kepada warga BPIA, Unit Integriti awam dan swasta khususnya dan warga SPRM umumnya. Artikel-artikel di dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi dan bukannya dasar atau keputusan rasmi daripada SPRM serta tidak ada kaitan dengan mana-mana pihak. Sebarang penyuntingan semula bahan perlu dimaklumkan kepada urus setia

PEGAWAI SPRM DIHARGAI DALAM MAJLIS MAKAN MALAM BERISTIADAT SPRM 2019

Majlis berlangsung pada 18 November 2019 (Isnin) bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Seramai 445 orang pegawai diraikan hadir dalam majlis tersebut. Majlis diadakan sebagai mengenang jasa dan pengorbanan warga SPRM melalui kejayaan tindakan operasi serta usaha-usaha pencegahan dan pendidikan yang telah dilaksanakan oleh SPRM.

Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) selaku ketua program telah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi bagi menjayakan majlis tersebut. TAHNIAH diucapkan kepada semua urus setia yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

“mengenang jasa dan pengorbanan warga SPRM melalui kejayaan tindakan operasi serta usaha-usaha pencegahan dan pendidikan”



PENARAFAN TERHADAP SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN - GOVERNMENT-LINKED COMPANIES (GLC) STATUS PENARAFAN RISIKO ORGANISASI TAHUN 2019

KAJIAN penarafan risiko organisasi ke atas Syarikat Berkaitan Kerajaan (SBK)/ Government-Linked Company (GLC) dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) seperti mana yang diperuntukkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No. 1 Tahun 2018 berhubung Penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat-Syarikat Yang Dimiliki Oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan Termasuk di Bawah Kerajaan Negeri.

Pelaksanaan penarafan risiko organisasi bertujuan bagi menetapkan struktur IGU yang bersesuaian. Taraf risiko dikelaskan kepada tinggi, sederhana atau rendah. Organisasi yang dikelaskan sebagai berisiko tinggi, disyorkan jawatan Ketua

Pegawai Integriti dan Governans/ Chief Integrity and Governance Officer (CIGO) atau Pegawai Integriti dan Governans/ Integrity and Governance Officer (IGO) diisi oleh skim Pegawai Siasatan SPRM. Manakala bagi yang berisiko sederhana dan rendah, jawatan berkenaan diisi oleh pegawai organisasi berkenaan.

Kajian penarafan risiko organisasi julung kali dilaksanakan pada tahun 2019 dan penarafan semula penarafan risiko organisasi akan dilaksanakan setiap tiga tahun atau mengikut keperluan.


Pelaksanaan kajian penarafan risiko organisasi pada tahun 2019 adalah ke atas syarikat-syarikat yang dikenalpasti memenuhi tafsiran syarikat berkepentingan kerajaan (SBK) seperti dalam Siri

Arahan YAB PM Tahun 2018. Berikutan kekangan dalam memperolehi data sebenar bilangan SBK di Malaysia kerana tiada satu pusat tertentu untuk dirujuk, pihak BPIA telah mengambil pendekatan melalui pencarian desktop, semakan dari buku Minister Of Finance Incorporated oleh Edmund Terence Gomez 2017 dan maklumbalas daripada Jabatan/ Kementerian/ Badan Berkanun dan Kerajaan Negeri. Sehingga Mac 2019, sebanyak 628 syarikat dikenalpasti sebagai SBK.

Risiko dalam konteks penarafan ini merangkumi faktor ancaman (threat) bagi kesalahan rasuah dan faktor kemudahan terancam (vulnerability) iaitu kecenderungan berlakunya kesalahan rasuah berdasarkan kepada ciri-ciri syarikat.

Pada Oktober 2019, SPRM telah melaksanakan Penarafan Risiko Rasuah ke atas Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri berdasarkan kepada rekod BPIA bagi Tahun 2019. Sebanyak 32 syarikat ditarafkan berisiko tinggi, 126 syarikat pada taraf risiko sederhana dan 470 pada taraf risiko rendah. Namun demikian masih ada lagi syarikat-syarikat yang tiada dalam senarai dan kini pelaksanaan penarafan dilakukan secara berperingkat.

Jadual 1. Ringkasan Hasil Kajian Penarafan Risiko Organisasi Tahun 2019



RANCANGAN KAJIAN TAHUN HADAPAN (MYIA) KAJIAN PENILAIAN INTEGRITI (INTEGRITY ASSESMENT)

PADA tahun 2002, Anti-Corruption & Civil Rights Commission (ACRC) Korea Selatan telah memperkenalkan Penilaian Integriti/ Integrity Assessment (IA) untuk mengukur tahap integriti dalam perkhidmatan awam; mengenal pasti faktor-faktor yang menjurus kepada perlakuan rasuah; serta memperbaiki sistem atau prosedur yang lemah dan mudah terdedah kepada rasuah dalam perkhidmatan awam.

Hasil daripada inisiatif ini, indeks integriti perkhidmatan awam di Korea telah meningkat secara konsisten manakala perlakuan rasuah dalam perkhidmatan awam juga telah menurun.

Kajian IA ini telah memenangi tempat pertama United Nation Public Service Awards (UNPSA) di bawah kategori 'Mencegah dan Membanteras Rasuah dalam Perkhidmatan Awam' pada tahun 2012.

Inisiatif dan kejayaan Kerajaan Korea Selatan dalam meningkatkan tahap integriti dalam perkhidmatan awam boleh dijadikan sebagai penanda aras kepada usaha Kerajaan Malaysia dalam meningkatkan tahap integriti dan sifar rasuah dalam perkhidmatan awam.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) kini dalam usaha untuk membangunkan kajian Penilaian Integriti yang bersesuaian dengan budaya Malaysia dapat dibentuk dan seterusnya mampu diaplikasikan di dalam semua organisasi sektor awam Malaysia.

Selain meningkatkan tahap integriti, kajian ini juga yakin dapat memperbaiki persepsi masyarakat ke atas keberkesanan Kerajaan dalam pencegahan rasuah dan seterusnya menambahbaikkan Skor CPI Malaysia.

Kajian ini dijangka akan mula dilaksanakan pada bulan Januari 2020.



MESYUARAT KETUA PEGAWAI INTEGRITI DAN GOVERNANS (CIGO) SIRI 1 BIL. 1 TAHUN 2019



MESYUARAT Ketua Pegawai Integriti dan Governans (CIGO) Siri 1 Bil. 1 Tahun 2019 di Hotel Zenith Putrajaya melibatkan kehadiran seramai 83 orang ahli mesyuarat yang terdiri daripada wakil dari 32 buah Syarikat berkaitan Kerajaan (SBK), Pengurusan Tertinggi SPRM dan Pengarah-Pengarah Bahagian SPRM.

Dua sesi pembentangan telah diadakan di dalam mesyuarat tersebut merangkumi pembentangan berkaitan Program Pegawai Integriti Bertauliah dan Penjelasan Mengenai Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM 2009).



e-Buletin BPIA diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM sebagai inisiatif perkongsian maklumat kepada warga BPIA, Unit Integriti awam dan swasta khususnya dan warga SPRM umumnya. Artikel-artikel di dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi dan bukannya dasar atau keputusan rasmi daripada SPRM serta tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Sebarang penyuntingan semula bahan perlu dimaklumkan kepada urus setia untuk kelulusan Pengurusan Tertinggi SPRM. Buletin ini adalah edaran umum dan boleh dimuat turun daripada laman web rasmi SPRM.

MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR) PERINGKAT KEBANGSAAN

SEPANJANG Julai hingga Disember 2019, Mesyuarat JAR Peringkat Kebangsaan telah diadakan sebanyak dua kali bertempat di Dewan Persidangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya seperti berikut berikut:

- i. Siri 2 Bil. 2 Tahun 2019 pada 10 Julai 2019
- ii. Siri 3 Bil. 3 Tahun 2019 pada 28 November 2019

Dalam kedua-dua siri Mesyuarat ini sebanyak empat Kertas Perbincangan dan tiga Kertas Pemakluman telah dibentangkan dan keputusan-keputusan penting adalah seperti berikut:

KERTAS PERBINCANGAN

- i. Isu Potongan Pinjaman Perumahan Dikecualikan Daripada Pengiraan Potongan Gaji 60% Penjawat Awam oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
- ii. Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (LSPRM) Tidak Diambil Tindakan Sewajarnya Oleh Ketua Jabatan oleh Bahagian Siasatan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- iii. Pelaksanaan Inisiatif 2.1.3 – Pensijilan Anti-Bribery Management System (ABMS), Pelan Antirasuah Kebangsaan (NACP) 2019-2023 : Isu dan Cabaran oleh Jabatan Standard Malaysia



STATISTIK PENEMPATAN PEGAWAI SPRM DI AGENSI AWAM DAN SWASTA

AGENSI AWAM
60

Seramai 60 Pegawai SPRM ditempatkan di 42 agensi Awam



SYARIKAT BERKEPENTINGAN KERAJAAN

14

- ▶ JCORP
- ▶ PERKESO
- ▶ MRCB
- ▶ BANK RAKYAT
- ▶ PSMB
- ▶ PRASARANA
- ▶ MRT CORP
- ▶ FELCRA
- ▶ TM
- ▶ PETRONAS
- ▶ FGVH
- ▶ SABAH BORNEO

Seramai 14 Pegawai SPRM ditempatkan di 12 SBK

kemaskini sehingga 2 Dis 2019

KESALAHAN RASUAH OLEH ORGANISASI KOMERSIAL

SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009

Sub-Seksyen 17A (1) - Kesalahan (Organisasi Komersial)

1. Suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat—

a) untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau

b) untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

Sub-Seksyen S17A (2) - Hukuman

2. Mana-mana organisasi komersial yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada **sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan** yang menjadi hal perkara kesalahan itu, jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya

Sub-Seksyen S17A (3) - Kesalahan dan Pembelaan (Orang)

3. Jika sesuatu kesalahan dilakukan oleh organisasi komersial, seseorang—

(a) yang menjadi pengarah, pengawal, pegawai atau pekongsinya; atau

b) yang **terlibat dengan pengurusan hal ehwalnya,**

pada masa kesalahan itu dilakukan, disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika orang itu membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan **tanpa keizинannya atau pembiarannya** dan bahawa dia telah menjalankan segala **usaha yang wajar** dilakukannya untuk menghalang pelakuan kesalahan itu dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan kepada hal keadaan

Sub-Seksyen S17A(4) - Pembelaan (OK)

4. Jika suatu organisasi komersial dipertuduh bagi kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1), menjadi pembelaan bagi organisasi komersial itu untuk membuktikan bahawa organisasi komersial itu mempunyai tatacara yang mencukupi **untuk menghalang orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu daripada melakukan perbuatan itu**

KESALAHAN RASUAH OLEH ORGANISASI KOMERSIAL

SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009

Sub-Seksyen S17A (5) - Garis Panduan

5. Menteri hendaklah mengeluarkan garis panduan yang berhubungan dengan tatacara yang disebut dalam subseksyen (4).

Sub-Seksyen S17A(6) - Orang yang Bersekutu

6. Bagi maksud seksyen ini, seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia ialah seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah **orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu**

Sub-Seksyen S17A(7) - Persoalan Fakta

7. Persoalan sama ada seseorang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial atau tidak hendaklah ditentukan dengan merujuk kepada semua hal keadaan yang berkaitan dan bukan hanya dengan merujuk kepada sifat hubungan antara dia dengan organisasi komersial itu

Sub-Seksyen S17A(8) - Definisi Organisasi Komersial

8. Bagi maksud seksyen ini, "organisasi komersial" ertinya—

(a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;

(b) suatu syarikat di mana jua diperbadankan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian daripada perniagaan di Malaysia;

(c) suatu perkongsian—

i. di bawah Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain; atau

ii. yang merupakan perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain; atau

(d) suatu perkongsian di mana jua ditubuhkan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian daripada perniagaan di Malaysia."

PROGRAM CEIO AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA)

Program Pegawai Integriti
Bertauliah Sektor Awam
(CeIO Awam)
YURAN RM 4,000.00



Certified Integrity Officer
Programme For Private Sector
(CeIO Swasta)
YURAN RM 5,000.00

Certified Integrity Officer
Programme For Government
Linked Companies
(CeIO GLC)
YURAN RM 5,000.00

HUBUNGI:
Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC)
Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel: 03-62092718/ 2957/ 2963/ 2943
Fax: 03-62092954
Emel: cidc@sprm.gov.my
website: <http://www.sprm.gov.my>

PROGRAM CEO AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA)

Modul Program CEO Awam



Modul Program CEO Swasta/ GLC



PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (PPRR) CORRUPTION RISK MANAGEMENT PLAN (CRM)

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (PPRR) SPRM adalah satu alat pengurusan (management tool) yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko dengan menghasilkan pelan pengurusan risiko rasuah dan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti-rasuah dan mendukung nilai integriti.

PPRR SPRM adalah alat kawalan dalaman untuk mengesan perlakuan kesalahan rasuah dalam sesebuah organisasi awam atau swasta dan turut membantu merangka strategi serta membuat kaedah potensi rawatan secara proaktif. PPRR SPRM sebagai alat mengesan rasuah juga membantu agensi di dalam melakukan penambahbaikan melalui pengenalpastian kelemahan di dalam sesuatu sistem dengan melihat infrastruktur institusi, masyarakat dan budaya dalam organisasi masing-masing.

Keperluan Bengkel PPRR

- ▶ Pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan kepada Pusat Pematuhan Korporat Anti Rasuah (CACCC), Malaysia Anti Corruption Academy (MACA).
- ▶ Permohonan boleh memohon untuk mengadakan ceramah/ taklimat pengenalan sebelum bengkel PPRR SPRM ini dilaksanakan.
- ▶ Peserta bengkel mestilah terdiri daripada pegawai kanan/ penyelia yang boleh membuat keputusan serta memahami proses kerja bagi sesuatu bahagian/ cawangan/ unit. Bilangan ideal bagi setiap kumpulan adalah 4-5 orang dan jumlah kumpulan yang ideal adalah 7-8 kumpulan.
- ▶ Tempoh pelaksanaan bengkel PPRR SPRM ini secara idealnya dilaksanakan selama 18 jam.

PPRR Merupakan Langkah Pertama Organisasi Anda Untuk:

- ▶ Corporate Integrity Pledge (CIP)
- ▶ Anti-Bribery Management System (MS ISO 37001) (ABMS)
- ▶ Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)
- ▶ Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (S.17A)



HUBUNGI:

PKPj Hamidah Binti Aziz
Ketua Cawangan Pengurusan
Risiko Sektor Swasta

Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

AKTIVITI BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI (BPIA)

Menembak di Lapang Sasar Mantin Negeri Sembilan



Sesi Ujian Kemahiran Pengendalian Senjata Api Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) di Lapang Sasar Mantin pada 17.10.2019.

Retreat Unit Integriti di Terengganu



Mesyuarat Pemantapan Pegawai Integriti SPRM Tahun 2019 di Kuala Terengganu pada 25-27 September 2019.

Plan Strategik di Telekom Malaysia



Majlis Pelancaran Pelan Strategik UI Governans dengan Penubuhan Integriti Governans Kumpulan TM diadakan pada 6 September 2019 di Pusat Konvensyen TM, Menara TM.

Simposium Integriti di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Pada 18 September 2019 (Rabu) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah Malaysia (CeIO) telah menganjurkan Simposium Pegawai Integriti Malaysia 2019 bertemakan "Peranan Integriti Ke Arah Malaysia Bersih".

AKTIVITI BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI (BPIA)

Konvensyen Sukan SPRM 2019



Konvensyen ini diadakan pada 8-11 November 2019. Pegawai-Pegawai CeIO juga turut serta berentap dalam sukan-sukan yang dianjurkan.

Mesyuarat Penyediaan Dan Pemantapan KPI Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA)



Mesyuarat ini diadakan di Hotel Seaview Langkawi pada 10 - 13 Oktober 2019. Agenda perbincangan adalah berkaitan KPI BPIA.

AKTIVITI UNIT INTEGRITI AWAM/ SWASTA

Anti-Bribery Management System (MS ISO 37001) ABMS

ISO 37001/ MS ISO 37001 ini adalah sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambahkan langkah pengurusan anti-rasuah secara berkesan. Ia juga merupakan satu instrumen yang fleksibel dan dapat disesuaikan dengan risiko rasuah yang mungkin dihadapi oleh mana-mana organisasi.

Standard ini direka untuk membantu organisasi bagi membuktikan kepada pihak berkepentingan (stakeholders) bahawa mereka mempunyai amalan dan inisiatif anti-rasuah yang mencukupi dan dilaksanakan sebaiknya.

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (PPRR)/ Corruption Risk Management Plan (CRM)



Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Perdana Menteri telah di adakan pada 16-18 Julai 2019 di Pusat Konvesyen Antarabangsa Putrajaya.

Sambutan Hari Integriti



Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Agensi penguatkuasaan undang-undang pertama di bawah KDN yang mendapat ISO 37001:2016 ABMS.



Hari Integriti Petronas dan demo poligraf.



Sambutan Hari Integriti Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2019 pada 5.11.2019.



Majlis Pemyampaian Pensijilan MS ISO 37001:2006 daripada Menteri Kesihatan kepada Timb Setiausaha Pengurusan Dato' Seri Dr Chen Chaw Min.



Perasmian Bulan Integriti MINDEF pada 4.11.2019.

AKTIVITI UNIT INTEGRITI AWAM/ SWASTA


Sambutan Hari Integriti (samb.)



Hari Inovasi, ICT dan Integriti KPWKM pada 5.11.2019.



Hari Integriti KBS dengan konsultasi "Budaya Integriti dalam Belia dan Sukan."



Hari Integriti Peringkat DBKL Tahun 2019 di rasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.



Majlis Sambutan Hari Integriti 2019 peringkat Kementerian Kerja Raya telah diadakan dengan tema "Integriti Utuh, KKR Teguh" membawa maksud nilai-nilai integriti yang utuh perlu ada dan tersemat dalam diri setiap warga KKR demi keteguhan mempertahankan imej Kementerian.



Majlis Sambutan Hari Integriti Kementerian Pendidikan Malaysia yang diadakan di Dewan Za'ba, KPM. Bertemakan "Integriti di Hatiku".



Forum Majlis Sambutan Hari Integriti MCMC 2019 bertemakan Merevolusikan Integriti telah berlangsung di Auditorium MCMC, Cyberjaya.

Antara ahli panel yang turut serta adalah YBrs. Puan Latheefa Koya, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan YBrs. Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM).

Turut hadir adalah YBrs. Al-Ishsal Ishak, Pengerusi MCMC, Ahli Suruhanjaya MCMC, pihak industri dan pembekal serta pemegang lesen perkhidmatan rangkaian telekomunikasi.

AKTIVITI UNIT INTEGRITI AWAM/ SWASTA

Organisational Anti-corruption Plan (OACP)



Pelancaran OACP KPDNHEP oleh YBM Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail pada 22.10.2019.



Bengkel Pembangunan OACP MOF di bawah pimpinan KPKPj Salwa binti Muharam pada 30.10.2019.

Unit Integriti MINDEF melaksanakan Bengkel OACP kepada Pegawai-pegawai kanan MINDEF pada 11.10.2019 bertempat di Melaka.

TM MENJADI TELADAN BAGI GLC MELALUI PENUBUHAN INTEGRITI DAN GOVERNANS KUMPULAN

TM terus mengukuhkan komitmennya dalam meningkatkan tahap integrity apabila Syarikat telah menjadi teladan kepada GLC, melalui penubuhan Integriti dan Governans Kumpulan (GIG) selari dengan Pelan Strategik Unit Integriti dan Governans (IGU) 2019-2021 oleh SPRM.

Penubuhan Integriti dan Governans Kumpulan dan Pelancaran Pelan Strategik IGU telah diumumkan secara rasminya oleh YBhg. Tan Sri Abu Kassim Bin Mohamed, Ketua Pengarah, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), YBrs Puan Latheefa Koya, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Encik Rosli Bin Man, Pengerusi Telekom Malaysia (TM) pada 6 September 2019 di Pusat Konvensyen TM, Menara TM.

Kumpulan ini ditubuhkan sebagai salah satu inisiatif untuk memupuk budaya "Integriti Tanpa Kompromi" di TM selaras dengan objektif National Anti Corruption Plan dalam mengukuhkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan.

Kumpulan ini diketuai oleh Pegawai SPRM yang dipinjamkan ke TM dan berperanan sebagai Ketua Pegawai Integriti dan Governans (CIGO) berkuatkuasa 1 Julai 2019.

Integriti dan Governans Kumpulan TM ini melaporkan terus kepada AHLI Lembaga Pengarah TM dan adalah Kumpulan yang bebas.

Antara fokusnya ialah:-

- Mengurus siasatan dalaman secara menyeluruh
- Menguruskan aduan
- Memberi khidmat nasihat & kesedaran mengenai perkara-perkara etika & integriti

Kumpulan ini ditubuhkan dengan kerjasama serta rundingan bersama-sama pihak SPRM dengan mengambil kira semua aspek keperluan dan pelaporan selaras dengan Pelan Strategik Unit Integriti Dan Governans 2019-2021.



Dari kiri: Dato' Shamsun Baharin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM; Latheefa Koya, Ketua Pesuruhjaya, SPRM; Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pengarah, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC); Tuan Haji Rosli Man, Pengerusi TM; serta Zulfikri Ab Manaf, Ketua Pegawai Integriti dan Governans (CIGO) meneliti buku Pelan Strategik Unit Integriti dan Governans yang telah dilancarkan.



GROUP INTEGRITY & GOVERNANCE TEAM

with YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed, YBrs. Pn Latheefa Koya, YBrs. Tn Hj Rosli Man and SPRM team



CORETAN INTEGRITI

TAJUK: ADIK ABANG ...

HUJAN baru sahaja reda. "Sedap juga kalau dapat kopi panas secawan", bisik hatiku. Aku melorong kan diriku terus ke dapur. Sampai sahaja di pintu dapur, kelihatan adikku sedang mencari-cari sesuatu di gerobok. "Ahem...ahem... Cari apa tu?"

"Cari ubat batuk... Hah yang ni kut," kata adikku sambil memegang sebiji botol berwarna hitam. Seingat aku sudah agak lama botol hitam tersebut tidak berusik.

"Bak sini abang tengok dulu botol tu". Dengan segera adik menghulurkan botol berwarna hitam tersebut kepada ku.

"Aha... dah luput tarikh ubat ni dik...dua bulan lepas dah luput."

"Isy, nasib baik adik tak terus telan ubat tu ... elok-elok nama ubat, jadi racun pula," adik berdebus.

"Apa yang kecoh kecoh ni?" Tiba-tiba adik perempuan ku muncul di pintu dapur. Sapaannya menghingarkan lagi suasana petang itu.

"Tak ada apa-apa lah anghah ... ubat ni dah tamat tempoh," ujar adik. "Nasib baik adik tak terminum ubat tu," sambung adik lagi.

"Hah! lain kali tengok dulu betul-betul ... ubat tu betul ke tak... masih elok lagi ke tak ..." Aku hanya mampu tersenyum. Angahku dah mula berleter.

Aku mencapai mug ku untuk melunaskan hajat awal aku ke dapur... Menghirup kopi panas. Namun telinga ku masih lagi tertumpu kepada celoteh anghah.

"Kadang-kadang doktor pun boleh tersilap... Macam kawan anghah ... semalam dia ke klinik. Dia beritahu doktor dia nak ubat batuk yang tak mengantuk. Doktor beri dia ubat yang mengantuk... daripada batuk terus kepala pula yang sakit. Bertambah-tambah pula penyakit," leter anghaku. Adikku tidak berkata apa-apa.

"Eh, abang nak buat apa tu... nak bancuh kopi? Biar anghah bancuhkan sekali dalam teko... sedap juga minum kopi musim-musim hujan ni," tiba-tiba anghah menyapaku.

"Hah, molek sangat lah tu," kataku bersetuju dengan anghah. "Lepas maghrib nanti abang belikan ubat batuk untuk adik." Adik tersenyum tanda bersetuju.

"Penawar kena tepatlah dengan penyakitnya. Kalau salah ubat, makin sakit lah jadinya. Kalau sakit jantung, takkan nak makan ubat sakit kepala..." aku menyambung bicara.

"Macam bos anghah lah kat pejabat..." celah anghah sambil menuang kopi ke cawan ku. "Hah! Kenapa pula dengan bos anghah?" aku bertanya.

"Kakitangan dibuat dengan ubat yang tak betul. Cuba abang fikir... ada sorang kawan anghah di pejabat tu sakit. Dia tak boleh tengok komputer lama-lama. Kalau dia tengok komputer lama-lama, boleh jadi migrain. Doktor dah sahkan dan bos kami pun dah tahu. Sepatutnya, dia tak boleh dah buat kerja yang berkait dengan komputer. Tapi bos kami masih tak beri dia kerja yang sesuai. Semua kerja dia masih bergantung pada komputer. Memang banyaklah kerja tak selesai. Bila akhir tahun, bos bagi markah rendah pada kawan anghah tu atas alasan dia tak perform. Tak patut betul lah."

"Tu bukan merawat... menganiaya ada lah. Patutnya, bos tak boleh salahkan staf kalau bos tak berikan kerja yang sesuai dengan kemampuan staf. Tak adil namanya tu. Kesiannya kawan anghah. Bukan senang nak rawat penyakit. Tu baru sakit fizikal, belum lagi sakit jiwa," balas ku.

"Sakit jiwa?" celah adik. "Iyer ... sakit jiwa... Kan banyak dalam media sekarang ni cerita pasal orang sakit jiwa ... ayah bunuh anak ... anak bunuh ayah ... mak berpakat dengan anak bunuh ayah... isy, mengerikan... Makin moden makin banyak pula orang sakit jiwa. Mungkin salah ubat juga agaknya orang sekarang ni kan bang?" sampuk anghah.

"Haah... kalau tak salah ubat, mesti ubat tu dah luput tarikh..." sampuk adik sambil tertawa kecil.

"Sakit jiwa ni sakit rohani lah ..." ujarku. "Dunia memang makin canggih... tapi... canggih luaran

sahaja. Kalau rohani manusia tak di ubati dengan agama, tak hairanlah makin ramai yang sakit jiwa...Kita yang ada agama ni untung... Tuhan dah bagi kita penawar untuk sakit jiwa ... tapi ... tu lah ... kita tak sedar penawar dah ada," terangku supaya lebih jelas.

"Agama penawar jiwa?" sampuk anghah. "Tapi kadang-kadang orang yang beragama pun sakit jiwa juga kan bang? Pelik kan?"

Aku meneguk air kopi yang makin suam di hadapanku. Aku lantas menyambung bicara. "Tak pelik pun sebenarnya...Kalau nama saja beragama tapi tak betul cara beragama, tak ada makna juga. Kita ambil contoh orang Islam. Tuhan dah kurniakan kita solat lima waktu. Solat lah anti-virus bagi penyakit-penyakit jiwa. Tapi... berapa ramai yang bersolat lima waktu?"

" Bukan setakat tak solat saja bang ... ambil wuduk pun dah tak betul... macam mana solat nak sah!" kata adik.

"Betul tu dik. Semua orang kena main peranan. Majikan-majikan contohnya, bukan hanya perlu mengingatkan kakitangan muslim mereka bersolat tapi bersolat dengan cara yang betul. Setahu abang lah, tak ada lagi abang dengar majikan yang menjadikan solat sebagai salah satu strategi pemantapan sahsiah dan ketahanan diri untuk pekerja-pekerja mereka."

"Masih ramai lagi orang-orang Islam tak nampak betapa besarnya nikmat kita ada solat ..." sampuk anghah.

"Eh, adik nak ke mana tu?" soal ku. "Dah nak masuk waktu Maghrib dah ni bang ... jom kita ke masjid.. Hah! Angah jom la sekali ke masjid," ajak adikku. "Kita ABC lah harini ... Allah Bagi Cuti..." jawab anghah sambil tersenyum.

Orang perempuan ada juga "ABC". Tapi sedihnya, berapa ramai antara kita yang ambil "cuti" sendiri tak bersolat. Ya Allah bukakan lah pintu hati saudara-saudaraku yang masih belum bersolat dan kekalkan lah kami dalam hidayah Mu.

Imam kecil



SELAMAT TINGGAL 2019
SELAMAT DATANG 2020